

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
NIKAUTO (M) SDN. BHD.

SYAZWI ARIZA BINTI MOHAMAD DAUD  
Sajens Murid Pengurusan (Pemasaran)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

1100039413

LI 100 FPE 4 2005



1100039413

Laporan akhir latihan industri di Nikauto (M) Sdn Bhd / Syazni Afiza Mohamad Daud.

**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100039413		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

739

16  
4  
165

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI NIKAUTO (M) SDN. BHD**

**Oleh**

**SYAZNI AFIZA BINTI MOHAMAD DAUD**  
**Sarjana Muda Pengurusan**  
**(Pemasaran)**

Laporan Akhir Latihan Industri Diserahkan  
Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
**(KUSTEM)**

2005

1100039413

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **SYAZNI AFIZA BINTI MOHAMAD DAUD (UK8386)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan tersebut.


### Tandatangan



Nama : SYAZNI AFIZA BINTI MOHAMAD DAUD

Tarikh : 21/11/05

### Disahkan Oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

**Khatijah Omar**  
Lecturer

Department of Management and Marketing  
Faculty of Management and Economics  
University College of Science and Technology Malaysia

## Penghargaan

Syukur alhamdulillah, dengan limpah rahmat dan izinNya saya telah pun berjaya menjalani Latihan Industri di Nikauto (M) Sdn, Bhd, dan seterusnya menyiapkan laporan latihan industri ini. Latihan Industri (L.I) yang diwajibkan tentu memberi kesan yang mendalam kepada saya untuk terus berjaya di dalam bidang yang diceburi. Ini juga membuatkan saya lebih berkeyakinan untuk terus mengaplikasikan apa yang dipelajari dan terus memantapkan lagi kerjaya saya di masa hadapan.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengurus syarikat, En. Mohd Zanuri bin Ab. Halim, tanpa kebenaran beliau, tidak mungkin saya berpeluang untuk membuat latihan industri di sana. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Penyelia latihan industri iaitu Pn. Habibah binti L. Muhamud yang banyak membimbang dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalani latihan industri di sana. Begitu juga kepada semua kakitangan syarikat yang membantu untuk menjalankan kerja-kerja harian saya di sana.

Seterusnya tidak lupa kepada Penyelia KUSTEM, iaitu Pn. Khatijah binti Omar kerana memberi panduan untuk saya menyiapkan laporan L.I ini. Ucapan terima kasih juga pada yang tidak mungkin saya lupakan dan paling dihargai kepada kedua ibubapa saya iaitu En. Mohamad Daud bin Yaman dan Pn. Mariani binti Mohd Azmi serta ahli keluarga saya yang turut memberi sokongan kepada saya. Akhir sekali kepada pensyarah-pensyarah yang lain yang terlibat membantu saya, juga kawan-kawan yang telah memberi sokongan dan dorongan semasa menjalankan latihan industri ini.

Segala jasa baik kalian akan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah s.w.t. Semoga usaha saya diberkati Allah.

## **Prakata**

Latihan Industri adalah kursus wajib yang ditawarkan kepada semua pelajar Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang merangkumi 6 jam kredit. Kursus ini telah dilaksanakan selama 12 minggu iaitu dari 22 Mac 2005 sehingga 12 Jun 2005. Ianya juga dilaksanakan berdasarkan beberapa objektif.

Pertama, supaya pelajar mampu mengaplikasikan bidang pengajian ke dalam alam pekerjaan. Ianya dapat menilai sejauh mana kemahiran dan pemikiran pelajar dalam menguasai pelajaran yang dipelajari oleh mereka.

Objektif kedua ialah supaya pelajar mendapat pengalaman sebenar dan kemahiran bekerja di alam pekerjaan tetapi di dalam bentuk latihan yang berkaitan dengan program pengajian yang sedang diikuti.

Terakhir ialah supaya pelajar diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan dalam bidang masing-masing serta mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Kesimpulannya, latihan industri ini dapat memberi gambaran yang jelas kepada setiap pelajar tentang bidang-bidang kerjaya yang akan diceburi dan merasai alam pekerjaan sebelum benar-benar memasuki alam tersebut.

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Pengesahan Perakuan Keaslian	
Penghargaan	
Prakata	
Senarai Gambarajah	
Ringkasan Eksekutif	
BAB 1 : LATAR BELAKANG SYARIKAT	
1.1 PENGENALAN	
1.1.1 Sejarah Syarikat Nikauto (M) Sdn. Bhd.	1
1.1.2 Pemilikan	3
1.1.3 Tumpuan Pemasaran	4
1.1.4 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi	5
1.1.5 Kekuatan Syarikat	6
1.2 MAKLUMAT ORGANISASI	8
1.3 CARTA ORGANISASI	9
1.3.1 Sistem Pentadbiran Syarikat	10
1.4 AKTIVITI UTAMA SYARIKAT	13
1.5 KEMAHIRAN YANG INGIN DIPELAJARI	19

## BAB 2 : MENGESAN SISTEM SEDIA ADA

### 2.1 SISTEM 1 : SISTEM PENGURUSAN

PELANGGAN (CMC)	20
2.1.1 Pengenalan	20
2.1.2 Mengenal pasti Masalah	25
2.1.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	26
2.1.4 Cadangan Penyelesaian	28
2.1.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	29

### 2.2 SISTEM 2 : SISTEM PESANAN JUALAN

KENDERAAN (VSO)	30
2.2.2 Pengenalan	31
2.2.3 Mengenal pasti Masalah	34
2.2.4 Rumusan Analisis dan Perbincangan	36
2.2.5 Cadangan Penyelesaian	38
2.2.6 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	40

### 2.3 SISTEM 3 : SISTEM PERMOHONAN

PINJAMAN KEWANGAN	42
2.3.1 Pengenalan	43
2.3.2 Mengenal pasti Masalah	43
2.3.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	47
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	49

2.3.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	51
BAB 3 :	
3.1 PENUTUP	52
3.2 KESIMPULAN	53
RUJUKAN	54
LAMPIRAN	

## **Senarai Gambarajah**

<b>Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
Rajah 1.1 : Logo Utama Proton	2
Rajah 1.2 : Logo-logo Kereta Proton	2
Rajah 1.3 : Carta Organisasi Nikauto (M) Sdn Bhd	9
Rajah 2.1 : Carta Aliran Pengurusan Pelanggan (CMC)	21
Rajah 2.2 : Carta Aliran Pesanan Kenderaan Jualan (VSO)	30
Rajah 2.3 : Carta Aliran Permohonan Pinjaman	42
<b>Kewangan</b>	

## **Ringkasan Eksekutif**

Setiap pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan Pemasaran, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi diwajibkan menjalani Latihan Industri. Pelatih telah menjalankan Latihan Industri di Nikauto (M) Sdn. Bhd.

Nikauto (M) Sdn. Bhd. terletak di timur Semenanjung Malaysia iaitu di Kelantan. Syarikat merupakan pengedar sah kepada Proton Edar Sdn. Bhd. (PESB) yang menjual kereta-kereta jenama Proton. Kereta-kereta ini dijual kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan samada sederhana atau mewah. Selama tiga bulan latihan industri, pelatih telah ditempatkan di Bahagian Pentadbiran syarikat yang dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Kewangan dan Bahagian Jualan. Sepanjang tempoh berkenaan pelatih telah diajar pelbagai perkara berkaitan urusan harian syarikat. Pelatih dilatih seumpama seorang staf dan bertanggungjawab dalam setiap urusan yang dilakukan di dalam syarikat. Pelatih telah dapat mempelajari dan mempraktikkan apa yang dipelajari di universiti semasa membuat latihan industri di samping mempelajari perkara-perkara tambahan seperti persekitaran pekerjaan, komunikasi dan lain-lain. Pengalaman yang diperolehi akan menjadikan pelatih lebih berkeyakinan untuk melangkah ke alam pekerjaan apabila tamat belajar nanti.

Sepanjang waktu tersebut, melalui pembelajaran dan pemahaman pelatih juga telah mengesan beberapa masalah yang wujud dalam sistem sedia ada organisasi. Sistem-sistem tersebut adalah seperti sistem Pengurusan Pelanggan (CMC). Di antara masalah yang wujud adalah borang-borang tidak diisi sendiri oleh pelanggan dan juga pengumpulan dan analisis tidak dilakukan serta merta. Manakala sistem kedua pula ialah Pesanan Jualan Kenderaan (VSO). Antara masalah yang wujud ialah catalog kenderaan tidak jelas, data di dalam sistem

ERP tidak boleh diubah, masalah kesilapan penyemakan dan kelulusan kereta, dan juga masalah sistem ERP Proton Edar Sdn. Bhd. (PESB). Sistem terakhir yang dikenalpasti ialah sistem Permohonan Pinjaman. Sistem ini mempunyai beberapa masalah iaitu dokumen-dokumen tidak dipercayai, permintaan dokumen tambahan dari pihak bank dan juga kurang interaksi antara kakitangan bank dan pihak penjual.

Melalui pemerhatian masalah, pelatih turut mencadangkan beberapa penyelesaian untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. .

Kesimpulannya, tempoh 12 minggu menjalani Latihan Industri membuatkan pelatih berasa sangat beruntung kerana diberi peluang untuk menjalankan latihan industri di syarikat ini. Proton adalah jenama kereta yang menjadi perintis kepada kereta jenama Malaysia di negara ini. Ianya menjadi kebanggaan setiap warganegara apabila memiliki kereta nasional tersebut. Apatah lagi kakitangan-kakitangan yang menyumbangkan tenaga ke dalam syarikat yang dilantik sebagai pengedar sah Proton Edar Sdn. Bhd. (PESB).